



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI
MINISTRY OF ENTREPRENEUR DEVELOPMENT AND COOPERATIVES

SIARAN MEDIA

MEDAC DAN AGENSI HULUR SUMBANGAN DI MAJLIS BERBUKA PUASA

KUALA LUMPUR, 16 April 2021 - Sempena bulan Ramadan 1442 Hijrah, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) hari ini meraikan insan yang kurang berkemampuan pada majlis berbuka puasa yang dianjurkan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

Majlis berbuka puasa ini merupakan inisiatif MEDAC dan agensi yang bertujuan untuk memberi sumbangan kepada 150 orang pelajar golongan miskin bandar dengan peruntukan sebanyak RM100 setiap seorang bagi memenuhi keperluan pada bulan Ramadan seperti membeli makanan dan keperluan asas yang lain. Penerima sumbangan merupakan pelajar daripada Sekolah Kebangsaan St Gabriel, Sekolah Kebangsaan Desa Pandan dan Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Sentul.

Dalam majlis yang sama, MEDAC turut menyampaikan Zakat UDA Cares-Enriching Life berjumlah RM 70,000.00 kepada Pertubuhan Baitul Ehsan Al Khairi, Rumah Bakti Nur Ain, Tahfiz Ibnu Abbas, Rumah Kasih Harmoni, Rumah Penyayang Darul Ilmi Gombak dan Tahfiz Darul Furqan.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi YB Dato Sri Dr Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, majlis ini juga diadakan bagi memupuk dan mengeratkan ukhuwah dan tali persaudaraan di antara pihak Kementerian dengan agensi-agensinya di bawahnya serta insan yang kurang bernasib baik.

“Bukan sahaja dapat berkumpul dalam sebuah majlis berbuka puasa, malah dapat beribadah bersama-sama sekali gus mengeratkan silaturahim. Bagaimanapun, dalam pada kita bergembira aspek keselamatan masih diutamakan dan pihak penganjur

sentiasa memastikan segala SOP sentiasa dipatuhi sepanjang majlis berbuka puasa ini berlangsung,” tambah beliau.

Turut hadir ialah YB Dato' Haji Mohd Rashid Hasnon, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Rakyat, YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati Haji Samsudin, Timbalan Menteri MEDAC, YBhg Dato' Suriani Dato' Ahmad, Ketua Setiausaha MEDAC, YBhg Datuk Haji Abd Rani Lebai Jaafar, Pengerusi Bank Rakyat, YBhg Dato' Syed Abdul Aziz Syed Hassan, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Bank Rakyat dan Pegawai-Pegawai Kanan MEDAC serta Pengerusi dan Ketua-ketua agensi di bawah MEDAC.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI